

SIARAN MEDIA

Tarikh: Selasa, 25 Mac 2014

**KSK MENYEMPURNAKAN SPA UNTUK PEMILIKAN JALAN CONLAY;  
PERANCANGAN-PERANCANGAN SEDANG DIJALANKAN**

**Kuala Lumpur, 25 Mac 2014** – KSK Group Berhad ("KSK"/"Group") hari ini mengumumkan bahawa pemilikannya ke atas sekeping tanah di Jalan Conlay di Kuala Lumpur sudahpun muktamad, dengan penyempurnaan semua proses perjanjian jual beli (SPA) yang ditandatangani pada akhir Disember 2013. Tanah pegangan bebas seluas 3.952 ekar yang didaftarkan sebagai Lot 20000, Seksyen 63, Kuala Lumpur itu merupakan harta tanah pertama yang dimiliki oleh syarikat pembangunan harta tanah KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), iaitu anak syarikat milik penuh KSK Group Berhad.

"Dengan penyempurnaan pemilikan ini, kami kini giat meneruskan perancangan ke atas harta tanah tersebut. Berikutnya ini, kami akan berusaha mendapatkan kelulusan-kelulusan untuk melaksanakan perancangan di tapak itu. Projek yang dirancang merupakan pembangunan bercampur yang melibatkan kediaman mewah dan sebuah hotel lima bintang bertaraf dunia. Kami membayangkan projek ini sebagai satu mercu tanda yang membuktikan fokus KSK Land terhadap 'Kehidupan Berinspirasi' (Inspired Living). Pelancaran project ini akan diumumkan bila tiba waktunya. Pada ketika ini, kami masih berada dalam peringkat perancangan rapi," kata Ketua Pegawai Eksekutif KSK Group dan Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua.

"Serentak dengan proses-proses kawal selia, kami sedang mengembangkan pasukan pengurusan serta meneroka kawasan tanah yang unggul di Lembah Klang dan Pulau Pinang demi merealisasikan visi dan matlamat kami untuk KSK Land," tambah Joanne.

###